

Johor, Negeri Sembilan kembali dilanda banjir

Kuala Lumpur: Johor dan Negeri Sembilan antara tiga negeri yang kembali dilanda banjir dengan merekodkan jumlah mangsa sehingga pagi semalam seramai 150 orang termasuk mangsa di Selangor.

Menurut laman portal banjir Majlis Keselamatan Negara (MKN), Negeri Sembilan merekodkan jumlah mangsa tertinggi iaitu 71 orang membabitkan 27 keluarga diikuti Selangor 58 orang mangsa dari 17 keluarga manakala di Johor seramai 21 orang (enam keluarga).

Portal MKN turut melaporkan banjir di Negeri Sembilan membabitkan kawasan di

Kampung Jimah Lama, Port Dickson dengan sebuah pusat pemindahan dibuka di Sekolah Rendah Kebangsaan Jimah Lama.

Minta penduduk berwaspada

Di Selangor, banjir melanda kawasan di Jalan Kebun dan Bukit Changgang, Kuala Langat dan sebuah pusat pemindahan dibuka di Dewan Genting Sanyen, Kuala Langat manakala di Johor membabitkan kawasan Kampung Spang Loi dan Kampung Awat, Segamat dengan sebuah pusat pemindahan dibuka di balai raya masing-masing.

Sementara itu, Jabatan Pe-

ngairan dan Saliran (JPS) meminta penduduk di beberapa kawasan di Perak, Negeri Sembilan, Johor, Pahang berjaga-jaga berikutan paras air sungai melebihi aras amaran.

Kawasan terbabit ialah sekitar Sungai Plus di Kampung Lintang, Kuala Kangsar di Perak, Sungai Rembau di Titian Bintangor, Rembau di Negeri Sembilan, Sungai Muar di Buloh Kasap, Segamat di Johor, Empangan Repas, Bentong dan Sungai Triang di Triang, Bera di Pahang.

Setakat jam 9.30 pagi semalam, paras Sungai Plus di Kampung Lintang, Kuala Kangsar 54.53 meter, Sungai Rembau di Titian Bintangor, Rembau 6.53 meter, Sungai Muar di Buloh Kasap, Segamat 8.77 meter, Empangan Repas, Bentong dan Sungai Triang di Triang, Bera mencatat 113.67 meter dan 34.10 meter iaitu masing-masing telah melebihi aras amaran.

BERNAMA

INFO

Portal banjir Majlis Keselamatan Negara

© **Negeri Sembilan** merekodkan jumlah mangsa tertinggi iaitu 71 orang membabitkan 27 keluarga

© **Selangor** catat 58 orang mangsa dari 17 keluarga

© **Johor** seramai 21 orang (enam keluarga).